

Abdullah, Surayud serius tamatkan konflik selatan Thai

Daripada AZNAN BAKAR

BANGKOK 11 Feb. - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan rakan sejawatannya Surayud Chulanont hari ini bertemu dalam apa yang dilihat sebagai usaha serius bagi menamatkan konflik di selatan negara ini.

Abdullah yang memulakan lawatan rasmi tiga hari ke Thailand, berada di pulau peranginan Phuket untuk pertemuan tidak rasmi itu sambil bermain golf dengan Surayud dan diikuti de-

ngan satu majlis makan malam.

Ini merupakan lawatan pertama beliau ke Thailand selepas Surayud mengambil alih jawatan Perdana Menteri berikutan rampasan kuasa pada 19 September tahun lalu yang menjatuhkan Thaksin Shinawatra.

Kedua-dua pemimpin akan bertemu di Bangkok esok untuk perbincangan rasmi. Thailand ingin mendapatkan kerjasama Ma-

Thailand ingin mendapatkan kerjasama Malaysia untuk menamatkan kekacauan di selatan negara ini

Um - 12/2/2007

laysia untuk menamatkan kekacauan di selatan negara ini.

Selain menyebabkan ribuan penduduk di wilayah tersebut terbunuh, kekacauan itu juga turut memberi kesan kepada hubungan diplomatik antara kedua-dua negara berjiran itu yang akan menyambut ulang tahun ke-50 hubungan diplomatik.

Pada 18 Oktober tahun lalu, Perdana Menteri Thailand itu berkun-

jung ke Kuala Lumpur yang antara lain meminta bantuan Abdullah untuk mengembalikan keamanan di wilayah-wilayah selatan iaitu Yala, Pattani dan Narathiwat.

Hampir 2,000 orang terkorban ekoran pergolakan di wilayah yang majoriti penduduknya beragama Islam.

Sehubungan itu, isu tersebut dijangka menjadi agenda utama pada pertemuan rasmi kedua-dua pemimpin esok di sini, selain usaha mengukuhkan hubungan dua hala dan kerjasama ekonomi

■ Lihat muka 2

Abdullah, Surayud serius tamatkan konflik selatan Thai

terutama di kawasan Segi Tiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT).

Setibanya di Bangkok esok, Perdana Menteri terlebih dahulu akan menghadap Raja Bhumipol Adulyadej di Vila Chitralada, Istana Dusit diikuti dengan mesyuarat dengan Surayud.

Sempena dengan lawatan ini juga, para pemerhati yakin ia dapat merapatkan kembali hubungan yang sedikit renggang ketika di bawah pemerintahan Thaksin apabila Malaysia dituduh memberi perlindungan kepada kumpulan pemisah di selatan Thailand.

Pada Ogos 2005, hubungan diplomatik kedua-dua negara tergugat apabila 131 rakyat Thailand beragama Islam dari Narathiwat melarikan

diri ke Kelantan untuk mencari perlindungan.

Kecuali seorang yang telah diserahkan kepada polis Thailand pada akhir 2005, yang lain enggan pulang.

Selain itu, isu dua kerakyatan juga dijangka turut dibincangkan pada pertemuan itu yang dikatakan mempunyai kaitan dengan usaha membanteras kegiatan jenayah antara sempadan kedua-dua negara.

Abdullah dan Surayud juga dijangka menyentuh isu pembinaan tembok di sempadan di mana Perdana Menteri Thailand itu bersetuju membina tembok keselamatan untuk membanteras penyeludupan dan pergerakan secara tidak sah rakyat kedua-dua negara di sempadan.